



---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK  
BILANGAN 8 TAHUN 2024**

---

**GARIS PANDUAN PERANTIS GURU  
(KPR3072)**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
14 Mei 2024

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

## UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

14 Mei 2024

### SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK BILANGAN 8 TAHUN 2024

#### **GARIS PANDUAN PERANTIS GURU (KPR3072)**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-233 Bilangan 5/2024 yang bersidang pada 14 Mei 2024 telah meluluskan Garis Panduan Perantis Guru (KPR3072) untuk **digunakan bermula Semester A241 (melibatkan pelajar mulai ambilan A211 dan A212)**.

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Garis Panduan bagi pelaksanaan Perantis Guru sangat berguna kepada Guru Perantis, Guru Pembimbing, Pensyarah Penyelia, Penyelaras Program/Jabatan/Fakulti dan Pentadbir di institusi. Pada awal pelaksanaan, buku garis panduan sedia ada dihasilkan berdasarkan penambahbaikan Buku Panduan Rancangan Orientasi Sekolah pindaan tahun 2010. Beberapa perubahan telah dibuat untuk menjamin kualiti Guru Perantis UPSI.
- 2.2 Program Perantis Guru 1 & 2: Buku Garis Panduan KPR3032 merupakan edisi baharu yang telah dihasilkan oleh PuLaMI bagi kursus KPR3032 (struktur berkredit) pada tahun 2020.

- 2.3 Namun terdapat beberapa perkara yang perlu penambahbaikan dan pindaan kerana melibatkan perubahan yang besar hasil daripada semakan semula kursus KPR3032 Program Perantis Guru kepada kursus KPR3072 Perantis Guru yang akan dijalankan bermula pada semester A241.
- 2.4 Susulan daripada itu, pihak PuLaMI telah menghasilkan Garis Panduan Perantis Guru (KPR3072) ini agar menjadi bahan rujukan terkini dan relevan untuk rujukan pelajar Perantis Guru, Penyelaras, Pensyarah Penyelia, Guru Pembimbing dan pihak-pihak lain yang berkenaan.
- 2.5 Garis Panduan Perantis Guru (KPR3072) perlu dirujuk bersama Instrumen Penilaian dan Pemarkahan KPR3072 Perantis Guru untuk Pensyarah Penyelia dan Format Penyediaan Portfolio KPR3072 Perantis Guru untuk Guru Perantis dan Guru Pembimbing yang telah disediakan oleh Jabatan Pengajian Pendidikan (JPP) dan diluluskan dalam Mesyuarat Senat Kali Ke-228 Bil. 11/2023.

### **3.0 JUSTIFIKASI**

- 3.1 Setelah semakan semula program dijalankan, kursus KPR3072 Perantis Guru merupakan kursus baharu bagi menggantikan kursus KPR3032 Program Perantis Guru yang dijalankan sebanyak dua (2) kali iaitu PPG 1 (1 minggu) dan PPG 2 (3 minggu). Kursus KPR3072 Perantis Guru akan dijalankan sekali sahaja selama 4 minggu.
- 3.2 PuLaMI membuat pelbagai pindaan dari segi syarat, tugas pensyarah penyelia dan guru pembimbing serta penambahbaikan beberapa peraturan baharu bagi tujuan penambahbaikan agar relevan untuk digunapakai sebagai bahan rujukan pihak-pihak berkaitan.

3.3 Selain itu, terdapat perubahan dari segi tugas mingguan yang perlu dijalankan oleh guru perantis dan kaedah pentaksiran baharu oleh pihak guru pembimbing dan pensyarah penyelia yang dilantik.

#### 4.0 KEPUTUSAN SENAT

Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan Garis Panduan Perantis Guru (KPR3072) untuk digunakan bermula Semester A241 (melibatkan pelajar mulai ambilan A211 dan A212) seperti di Lampiran A.

#### 5.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuat kuasa pada 14 Mei 2024.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**  
**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”**



**(SUHAILA SIDEK)**  
Ketua Timbalan Pendaftar  
Bahagian Hal Ehwal Akademik  
Tarikh: 14 Mei 2024

# LAMPIRAN A

